

Newspaper	Berita Harian
Date	12 July 2015

# Remaja OKU ceria PM singgah gerai ibu

» Najib luang masa bertemu rakyat di Bazar Ramadan Stadium Darulaman

Oleh Adha Ghazali dan Nahar Tajri  
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Pengalaman disapa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, cukup bermakna bagi remaja orang kurang upaya (OKU), Saiful Azri Mohd Rosli, 16.

Walaupun terpaksa berkerusi roda, remaja yang lumpuh sejak lahir tetap ceria ketika Perdana Menteri singgah ke gerai milik ibunya, Normala Ahmad, 35, sempena program tinjauan mesra di Bazar Ramadan Stadium Darulaman di sini, semalam.

Ketika singgah di gerai itu, Perdana Menteri yang ditemani Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz

Mahathir dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, sempat bermesra sambil mengusap-usap kepala Saiiul Azrul, sambil memanggilnya 'anak bertuah'.

Selepas meluangkan masa kira-kira 20 minit melakukan tinjauan mesra, Najib turut membeli beberapa juadah berbuka puasa di bazar Ramadan itu.

## Buka puasa bersama rakyat

Pada sebelah malam, Perdana Menteri menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Al-Bukhary, di sini.

Pada majlis yang turut dihadiri Mukhriz serta kira-kira 5,000 orang, Najib juga menyampaikan sumbangan kepada 200 bekas anggota tentera dan polis.

Perdana Menteri turut menunaikan solat Maghrib berjemaah, sebelum ke Masjid Zahir untuk menunaikan solat sunat tarawih dan majlis khatam al-Quran.

Yang turut hadir, Pengerusi Jemaah Pemangku Diraja Kedah Tunku Sallehuddin Almarhum Sultan Badlishah.



Najib diiringi Mukhriz menyampaikan duit raya kepada Saiful Azri ketika program tinjauan mesra di Bazar Ramadan Stadium Darulaman Alor Setar, semalam. [FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]